

PM terima Darjah Kerabat Kelantan

KOTA BHARU 6 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menerima Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (DK) dalam satu majlis di Istana Negeri di Kubang Kerian dekat sini.

Sultan Kelantan, Tuanku Ismail Petra berkenan menyampaikan anugerah itu sempena Hari Keputeraan baginda ke-56 baru-baru ini.

Anugerah berkenaan adalah kali kedua dikurniakan kepada penerima bukan daripada kerabat diraja selepas bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menerimanya pada 2002.

Turut berangkat Raja Perempuan Kelantan, Tengku Anis Tengku Abdul Hamid; Tengku

Um - 7/4/2006
Mahkota Kelantan, Tengku Muhammad Faris Petra dan Tengku Ampuan Mahkota, Tengku Zubaidah Tengku Norudin dan kerabat diraja yang lain.

Hadir sama Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Seri Annuar Musa; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed; Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd. Aiseri Alias.

Sebelum itu, Perdana Menteri yang tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa dekat sini pada pukul 11.50 pagi disambut oleh pegawai-pegawai kanan kerajaan dan juga pemimpin UMNO negeri.



ABDULLAH Ahmad Badawi bersalaman dengan pemimpin agama yang hadir pada Majlis Kesyukuran Bersama Perdana Menteri di Kota Bharu, semalam.